

# HEMOSOL SUPPOSITORIES

Zinc oxide/benzyl benzoate/balsam peru (300mg / 33mg / 50mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Hemosol*
2. Bagaimana *Hemosol* berfungsi
3. Sebelum mengguna *Hemosol*
4. Cara menggunakan *Hemosol*
5. Semasa menggunakan *Hemosol*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Hemosol*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Hemosol*

Ia digunakan untuk melegakan gejala-gejala buasir ringan seperti sakit, gatal atau pedih), keradangan dubur biasa dan iritasi. Ia boleh digunakan sebelum dan selepas pembedahan buasir, *anal fistula* (saluran kecil yang terbentuk antara hujung usus dan kulit berhampiran dubur), saluran darah yang bengkak pada dubur, dan melicinkan pergerakan buang air besar.

## Bagaimana *Hemosol* berfungsi

Ia mengandungi zink oksida, sejenis astringen dan antiseptik. Ia melegakan dan melindungi kulit. Balsam peru adalah sejenis antiseptik ringan dan membantu penyembuhan. Benzyl benzoate mempunyai kesan antiseptic ringan.

## Sebelum mengguna *Hemosol*

### Bila tidak boleh mengguna

- Jika ada alahan terhadap ramuan-ramuan *Hemosol*
- keadaan serius pada dubur

### Sebelum mula mengguna

Penggunaan ubat dihentikan jika terdapat kemerahan, iritasi, bengkak dan kesakitan berterusan atau bertambah. Risiko dan kebaikan perlu dipertimbangkan sebelum digunakan untuk ibu mengandung atau menyusukan anak. Keselamatan penggunaan semasa kehamilan atau menyusukan anak belum dipastikan lagi. Jadi, sila beritahu doktor jikalau mengandung atau menyusukan anak.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan *Hemosol*

### Berapa banyak harus diambil

Satu suppositori dimasukkan jauh ke dalam dubur.

### Bila perlu diguna

Dua kali sehari (pagi dan petang) dan selepas setiap kali membuang air besar.

### Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

### Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

### Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Jika rasa sakit atau pedih, basuh bahagian berkenaan dengan air. Jikalau iritasi atau inflamasi alahan kulit masih berlaku, sila berjumpa dengan doktor.

## Semasa menggunakan *Hemosol*

### Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

## Kesan-kesan sampingan

Ia menyebabkan iritasi pada mata dan membran mukus. Iritasi pada kulit seperti pedih dan gatal. Sensitiviti kulit juga berlaku. Jika sebarang kesan sampingan menjadi serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Hemosol*

### Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Suppositori warna kelabu.

### Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: zinc oxide, benzyl benzoate and balsam peru
- Bahan tidak aktif: subanal EF-37 and castor oil.

### Nombor MAL:

MAL06051417X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

11/04/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)110417/00075